



## SEJARAH PERKEMBANGAN PERTANIAN ERA KEGEMILANGAN KERAJAAN ISLAM

Mohd Borhanuddin Zakaria, Juairiah Hasan & Noorsafuan Che Noh

---

### ABSTRAK

Kajian perkembangan sejarah pertanian pada zaman kegemilangan pemerintahan Islam iaitu pada Era Rasulullah s. a. w, Khulafa' al-Rasyidin r. a, Kerajaan Umawiyah dan Kerajaan 'Abbasiyyah, Kerajaan 'Uthmaniyyah. Pada era ini juga berlaku perkembangan ilmu-ilmu pertanian di dunia Islam. Kajian ini bertujuan untuk menelusuri sejarah perkembangan pertanian yang selari dengan tuntutan Islam yang merangkumi pembangunan insan secara syumul. Metodologi kajian ini menggunakan reka bentuk kajian analisis kandungan dan kajian sejarah. Data yang dikumpulkan, dianalisis melalui pendekatan deskriptif dengan pendekatan kualitatif iaitu menganalisis teks termasuk menganalisis dokumen-dokumen sejarah. Hasil kajian mendapati bahawa dasar pertanian Islam berteraskan konsep *tauhiyyah*, *rububiyah*, *tazkiyah*, *tanmiyah*, *khalifah*, *insaniyyah*, *akhlaqiyah*. Implikasi kajian ini secara langsung sebagai rujukan untuk menerapkan dasar pertanian Islam untuk mentransformasikan pertanian sejajar dengan Syarak.

---

### PENGENALAN

Falsafah pertanian berteraskan kepada *tauhiyyah*, *rububiyah*, *tazkiyyah*, *khalifah*, *taqaddumiyyah*, *tatawuriyyah* semua adalah asas dalam pertanian Islam. Pertanian yang berteraskan *akhlaqiyah* dan *insaniyyah* dan menuruti pertanian seimbang, keutamaan dan kepentingan *darurat*, *hajiyyah* dan *tahsiniyyah* diketengahkan dalam pertanian Islam.

Oleh itu, secara berkesannya pertanian Islam adalah pertanian yang tidak ada kemudaran, mencegah segala pembaziran, mengutamakan yang penting dalam agama, mengelak segala penyelewengan dan kemusnahan alam sekitar dan pelestarian alam sekitar. Hakikatnya ialah pertanian umat Islam hari ini telah dilaksanakan dengan penuh dedikasi serta asuhan yang berterusan dan pelaksanaan hukum-hukum Islam apabila diwahyukan. Maka atas dasar inilah, berharap Dasar Pertanian Negara DPN ketika digubal telah berjaya memainkan peranannya dan menggalakkan pertumbuhan sektor pertanian dan pembangunan petani tetapi mestilah seimbang dengan pembangunan

akhlak.

## **SEJARAH PERKEMBANGAN PERTANIAN DALAM SEJARAH ISLAM**

### **Sejarah Pertanian Era Rasulullah s. a. w. (1-11 H / 622-632 M)**

Sebagai pengasas kepada kerajaan Islam Madinah, didapati Rasulullah s. a. w. telah melayani semua golongan masyarakat bukan Islam Madinah atas dasar yang adil dan saksama berlandaskan kepada prinsip-prinsip asas yang terdapat di dalam *Sahifat al-Madinah*, serta bimbingan wahyu Allah S. W. T yang turun dari masa ke semasa sehinggalah ke saat kewafatan baginda pada tahun 10H (al-Rais, Muhammad Diauddin, 1977). Pada waktu itu tidak banyak timbul persoalan-persoalan yang berhubung dengan tanah pertanian kecuali yang berkaitan dengan harta rampasan perang (*ghanimah*) (al-Azbawi, Hasab Muhammad, 1976) iaitu tanah-tanah orang Yahudi di sekitar Madinah. Ini disebabkan tanah-tanah pertanian di Semenanjung Tanah Arab terlalu sedikit (Muhammad <sup>c</sup>Abdul Jawwad, 1971).

Mengikut perkembangan sejarah, penaklukan yang pertama yang dibuat oleh Rasulullah s. a. w. dan orang-orang Islam ialah ke atas Bani Nadir (tahun 4H/623M) (Abu Yusuf Ya'kub Ibn Ismail, 1382; Imam al-Hafiz Abi al-Farj <sup>c</sup>Abd Rahman Ibn Rajab al-Hanbali, t. th.). Kemudian pada tahun 6H/625M, Rasulullah s. a. w. telah mengambil tanah-tanah pertanian Bani Nadir di Madinah dan ini merupakan perluasan wilayah taklukan yang mula-mula dilakukan oleh tentera Islam (Mat Saad bin Abd Rahman, 1996). Dasar yang berhubung dengan tanah pertanian Bani Nadir ini telah menjadi langkah penting yang diikuti oleh Rasulullah s. a. w. dan tanah ini terletak di tangannya untuk menggunakannya mengikut budi bicaranya, berdasarkan firman Allah S. W. T (al-Qur'an, surah al-Hasyr 59: 6):

Maksudnya: "Dan apa jua Yang Allah kurniakan kepada RasulNya dari peninggalan harta benda mereka (yang telah diusir itu, maka kamu tidak berhak mendapatnya), kerana kamu tidak memecut seekor kuda pun dan tidak menunggang seekor unta pun (untuk berperang mengalahkan mereka); tetapi Allah memberikan kekuasaan kepada Rasul-rasulNya mengalahkan sesiapa Yang dikehendakiNya (dengan

tidak payah berperang); dan Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

Menurut al-Tabari (t. th. ) terdapat dua pendapat di kalangan ahli tafsir berkaitan harta *ghanimah* dan harta *fay'* antaranya ialah mereka tidak membezakan di antara harta *ghanimah* dan harta *fay'* masing-masing  $1/5$  daripada harta perang, yang keduanya wujudnya perbezaan antara harta *ghanimah* dan harta *fay'* (Abu Yusuf Ya'kub Ibn Ismail, 1382), tetapi harta *ghanimah* mendapat  $1/5$ . Manakala Syeikh Muhammad Mustafa (2012) dan al-Azbawi (1976) berpendapat ayat di atas adalah dirujukkan kepada tanah pertanian Bani Nadir yang menjadi khusus kepada Nabi s. a. w sahaja. Baginda s. a. w telah membahagikannya kepada Muhajirin dan dua orang Ansar yang sangat miskin (al-Idrisi, 1427; <sup>C</sup>Abd al-Jawwad, 1971). Allah S. W. T berfirman (al-Qur'an, surah al-Hasyr 59: 7):

Maksudnya: “Apa Yang Allah kurniakan kepada RasulNya (Muhammad) dari harta penduduk negeri, bandar atau desa dengan tidak berperang, maka adalah ia tertentu bagi Allah, dan bagi Rasulullah, dan bagi kaum kerabat (Rasulullah), dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, serta orang-orang musafir (yang keputusan). (ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu. Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah s. a. w kepada kamu maka Terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangNya kamu melakukannya maka patuhilah laranganNya. dan bertaqwalah kamu kepada Allah; Sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksaNya (bagi orang-orang yang melanggar perintahNya)”.

Manakala ayat tujuh dari surah yang sama, adalah dirujuk harta *fay'* (al-Zuhayli, Muhammad Mustafa, 2012) dan ahli al-Qura iaitu tanah pertanian yang diambil oleh orang-orang Islam tidak melalui peperangan. Secara amnya, tanah itu adalah kepunyaan Allah S. W. T, RasulNya dan orang-orang yang telah ditentukan ayat tersebut (al-Andalusi, al-Imam Abi Haiyyan, 1995). Tanah pertanian yang khusus bagi Nabi pada masa itu ada tiga jenis (Muhammad <sup>C</sup>Abdul Jawwad, 1971). **Pertama:** Fadak dan tanah Bani Nadir dan semua barang-barang dalamnya (al-Andalusi, al-Imam Abi Haiyyan,

1995). **Kedua:** Safiyy atau Safiya iaitu harta yang dipilih oleh Rasulullah s. a. w. daripada harta *ghanimah* sebelum ianya dibahagikan kepada orang-orang Islam, dan **Ketiga:** seperlima daripada 1/5 rampasan perang (*ghanimah*) (al-Hanafi, <sup>c</sup>Abd <sup>c</sup>Aziz Ibn Muhammad al-Rahbi, 1973).

Tanah-tanah pertanian Bani Nadir (Abu Ubayd, al-Qasim ibn Salam, 1986; al- Rais, Muhammad Diauddin, 1977) tidak dibahagikan oleh Rasulullah s. a. w melainkan tanah-tanah pertanian di Khaybar. Berhubung dengan tanah orang-orang Yahudi di Khaybar (sebuah Bandar di Semenanjung Tanah Arab yang ditakluki oleh orang-orang Islam di bawah pimpinan Rasulullah s. a. w. pada tahun 7H/628-629M. Dalam peperangan ini Rasulullah s. a. w. telah mendapat kemenangan tanpa tumpah darah. Semua harta orang-orang Yahudi termasuk tanah pertanian dan hasilnya termasuk anggur/tamar telah dijadikan harta rampasan perang). Rasulullah s. a. w. telah membahagikannya kepada lima bahagian (al-Zuhayli, Muhammad Mustafa, 2012); empat bahagian untuk orang-orang Islam, dan satu bahagian khusus untuk dirinya sendiri (Mohd Ridzuan Awang, 1987; Mahyuddin Hj. Yahya' 1993). Prinsip ini berpandukan kepada firman Allah S. W. T.

Maksudnya: “Dan ketahuilah, bahawa apa sahaja yang kamu dapati sebagai harta rampasan perang, maka Sesungguhnya satu perlimanya (dibahagikan) untuk (jalan) Allah, dan untuk RasulNya, dan untuk kerabat (Rasulullah), dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, serta ibnus-sabil (orang musafir yang keputusan), jika kamu beriman kepada Allah dan kepada apa Yang telah diturunkan oleh Kami (Allah) kepada hamba Kami (Muhammad) pada “Hari al-Furqan”, iaitu hari bertemunya dua angkatan tentera (Islam dan kafir, di medan perang Badar). dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu” (al-Qur’an, surah al-Anfal 8: 41):

Namun demikian, Rasulullah s. a. w. meminta sebahagian daripada orang-orang Yahudi supaya mengusahakan tanah-tanah pertanian tersebut dengan mengenakan cukai MUSAQAH (ialah satu jenis kontrak dalam mengusahakan tanah pertanian dengan mendapat bayaran sebahagian daripada hasil yang diperolehi mengikut syarat-syarat

yang diharuskan, atau memberi kepada seseorang untuk bekerja di tanah pertanian tersebut untuk menjaga tanaman dan menyirami air di mana hasil tersebut dibahagi antara pemilik dan pengusaha) sebanyak separuh daripada hasil pengeluarannya (Mat Saad bin Abd Rahman, 1996). Amalan ini berlaku berterusan semasa hidup Rasulullah s. a. w. (1-11 H/632 M) dan diteruskan oleh empat orang khalifah, iaitu Abu Bakar al-Siddiq (11-13H/632-634 M), <sup>C</sup>Umar bin al-Khattab (13-23H/634-644M), <sup>C</sup>Uthman bin <sup>C</sup>Affan (23-35H/644-654M) dan <sup>C</sup>Ali bin Abi Talib (35-40H/656-661M) (Mahyuddin Hj Yahya, 1993).

Manakala <sup>C</sup>Umar r. a telah mengambil balik tanah pertanian dan menghapuskannya dari kekuasaan orang-orang Yahudi (<sup>C</sup>Abd <sup>C</sup>Aziz al-Ali al-Na<sup>C</sup>im, 1975). Pembahagian tanah orang-orang Yahudi di Khaybar kepada orang-orang Islam ini adalah merupakan pembahagian tanah pertanian yang pertama kali berlaku di dalam Islam (Muhammad <sup>C</sup>Abdul Jawwad, 1971). Secara jelas lagi bahawa tanah pertanian di Khaybar (Tanah Pertanian di Khaybar sangat subur dan hasil buah-buahnya sangat banyak antaranya ialah, Tanah Pertanian Tai'm, Qumuz, Siqh, Nizah, Khatibah, Watih, Sulalim, Husn Ibn Muaz ia merupakan perladangan yang maju dan mengeluarkan hasil ternakan yang banyak) (al-Rais, Muhammad Diauddin, 1977). ini mengandungi kubu atau kawasan utama, yang terdapat banyak ladang biji-bijian dan dusun-dusun buah- buahan. Kawasan-kawasan utama itu ialah Na'im, Abu al-Huqiyq, Shiqq, Natat, Watih, Sulalim, dan Katibah (al-Idrisi, Alban Ibn Mahfuz, 1427).

Manakala, kawasan tanah pertanian Katiba, Sulalim dan Watih adalah diambil oleh Nabi secara aman (tanpa peperangan), sedangkan kawasan-kawasan yang lain diambil selepas berlakunya peperangan. Tanah pertanian Shiqq dan Natat dibahagikan antara orang-orang Islam (al-Rais, Muhammad Diauddin, 1977), Sedangkan tanah pertanian Katibah telah disimpan sebanyak 1/5 untuk Allah SW. T dan RasulNya, orang-orang miskin, anak-anak yatim dan makanan keluarga mereka. Manakala, orang- orang Watih dan Sulalim membuat kontrak perjanjian dengan Rasulullah s. a. w ((Muhammad <sup>C</sup>Abdul Jawwad, 1971; <sup>C</sup>Abd <sup>C</sup>Aziz al-Ali al-Na<sup>C</sup>im, 1975; al-Azbawi, Hasab Muhammad, 1976).

Abu 'Ubayd (1986) berpendapat bahawa Khaybar diambil selepas berlaku peperangan dan selepas di ambil 1/5 daripada hartanya, maka bakinya dibahagi kepada orang-orang Islam. Mengikut Abu Ubayd (1986), lagi pada teorinya tanah itu bergantung kepada dua pilihan, sama ada ianya dibahagi sebagai *ghanimah* kepada tentera Islam atau diistilahkan sebagai harta waqaf bagi orang-orang Islam. Nabi Muhammad s. a. w. membahagikan tanah di Khaybar pada 36 lot dan tiap-tiap lot mengandungi 100 bahagian. Separuh daripadanya adalah kepunyaan keluarganya dan separuh lagi untuk orang-orang Islam. Hanya Shiqq dan Natat sahaja yang dibahagikan. Manakala Katiba, Watih dan Sulalim adalah waqaf (Abu Yusuf Ya'kub Ibn Ismail, 1382).

Mengikut al-Mawardi (1966), tanah pertanian yang pertama dibahagikan oleh Rasulullah s. a. w. selepas Bani Nadir membatalkan perjanjian dan mengugut untuk membunuh Rasulullah s. a. w. dengan tersebarnya kekalahan tentera Islam di Uhud selepas enam bulan berlakunya peperangan. Maka Rasulullah s. a. w. telah membahagikan tanah pertanian kepada dua orang Ansar yang miskin iaitu Sahl Ibn Hanif dan Abu Dujanah Ibn Kharsyah. Dalam perkembangan seterusnya Rasulullah s. a.w. mengutuskan sepucuk surat sebelum tercetusnya peperangan Tabuk dalam bulan Ramadhan kepada Raja Humayr supaya memeluk Islam dan menuntut harta dan tanah pertanian serta menuanikan Kharaj terhadap mereka iaitu 1/10 (al-Rais, Muhammad Diauddin, 1977).

### **Perkembangan Tanah Pertanian Di Zaman Khulafa' al-Rasyidin (11-40 H /634-661 M)**

Pada masa pemerintahan Khalifah pertama, Abu Bakar al-Siddiq (11H/632 M-13 H/634M) tidak banyak perubahan berlaku terhadap sistem pemilikan tanah, malah pada amalannya sistem yang sama dengan zaman Rasulullah s. a. w. telah berlaku (Mohd Ridzuan Awang, 1987; Mat Saad bin Abd Rahman, 1996). Di sepanjang masa pemerintahan Khulafa' al-Rashidin ini tiada bukti yang menunjukkan bahawa orang bukan Islam iaitu ahli Zhimmi (Muhammad Sadiq 'Afifi, 1986) telah diberi peluang secara langsung oleh pemerintah samaada di dalam pentadbiran atau ketenteraan. Kebanyakan mereka telah melibatkan diri didalam bidang ekonomi terutamanya bidang pertanian akibat daripada dasar <sup>C</sup>Umar r. a yang tidak membenarkan wilayah-wilayah

yang dibuka oleh tentera Islam dibahagi-bahagikan di antara mereka.

Selain daripada pertanian, mereka juga menceburkan diri di dalam bidang perniagaan dan perusahaan (Muhammad Sadiq 'Afifi, 1986). Orang Yahudi, misalnya, mengambil bahagian yang cergas di dalam perusahaan mencelup kain, menenun sutera, perusahaan barang-barang kaca dan pembinaan kapal. Selain daripada itu, orang Nasrani dan Yahudi sama-sama berkongsi di dalam bidang perubatan. Kalangan paderi adalah di antara mereka yang banyak mempunyai keahlian di dalam bidang ini. Rumah-rumah mereka dijadikan pusat untuk merawat para pesakit (Ali al-Kharbutli, 1969).

Cuma di dalam satu kes yang berlaku pada zaman pemerintahan Umar r. a. jika kes ini boleh dijadikan hujah, terdapat semacam satu *ijtihad* daripada seorang sahabat yang pada ketika itu menjadi Gabenor Iraq bagi pihak Umar r. a. sendiri, iaitu Abu Musa al-Ash'ari, beliau diriwayatkan telah melantik seorang Yahudi yang sangat dipercayainya sebagai setiausahanya (katib) dan menyerahkan kepada Yahudi itu urusan-urusan yang berkaitan dengan harta benda. Isu ini telah diadukan kepada Umar r.a. oleh penduduk Iraq, lalu beliau menasihatkan Abu Musa al-Ash'ari agar memecatnya, tetapi Abu Musa al-Ash'ari (atas ijtihadnya) berkeras enggan mematuhinya (Muhammad Sadiq 'Afifi, 1986). Apabila Umar r. a. (13H/634M-23 H644M) (Ali al-Kharbutli, 1969) dilantik menjadi Khalifah kedua sistem pemilikan tanah telah banyak berubah dan banyak pembaharuan undang-undang tanah diperkenalkan. Zaman Umar r. a. boleh digambarkan sebagai zaman perluasan wilayah yang berdekatan dengan Semenanjung Tanah Arab, termasuk di sebelah timurnya negeri Parsi (al-Hanafi, Abd Aziz Ibn Muhammad al-Rahbi, 1973), sebelah Barat Syam dan Mesir dan di sebelah selatan pula ialah Afrika. Sedangkan negeri-negeri ini mempunyai bentuk muka bumi dan kesuburan tanah yang berbeza-beza untuk pertanian (Abu Yusuf Ya'kub Ibn Ismail, 1382).

Kesan utama yang timbul dari penaklukan wilayah-wilayah yang baru itu ialah masalah pembahagian tanah-tanah pertanian di wilayah tersebut. Hal ini dapat diperhatikan

tindakan <sup>C</sup>Umar r. a ke atas tanah *Sawaddi* Iraq (Tanah Sawad ialah tanah pertanian yang terletak di Iraq, ini kerana orang-orang arab datang ke sana pada zaman pemerintahan <sup>C</sup>Umar r. a melihat tanah pertanian tersebut seperti malam kerana terlalu subur dipenuhi dengan tanam-tanaman seperti anggur, kurma dan air, ini kerana tanah ini terletak berhampiran dua sungai iatu sungai Dajlah dan Furat, dan ianya menjadi perbincangan pertama di kalangan para fuqaha' tentang pembahagiannya).

Khalifah <sup>C</sup>Umar r. a enggan membahagikan tanah *Sawad* kepada tentera-tentera Islam yang menaklukinya secara peperangan. <sup>C</sup>Umar r. a membenarkan penduduk *Sawad* Iraq tinggal dan menetap dalam tanah mereka serta mengenakan ke atas mereka *jizyah* (Jizyah ialah cukai tahunan yang diwajibkan keatas seseorang zhimmi, dibayar kepada negara Islam pada masa tertentu dan sempurna syarat-syarat wajibnya dan tidak ada sebab yang boleh menggurkannya) (Zaydan, 1976) dan ke atas tanah mereka *kharaj* (ialah pembayaran cukai oleh seseorang Zhimmi jika mereka memiliki tanah pertanian yang diusahakan, ia diwajibkan ke atas pemilik tanah pertanian sama ada lelaki atau perempuan atau kanak-kanak jika tanah itu berpotensi untuk di usahakan, sama ada tanah itu diusahakannya sendiri atau disewakan kepada orang lain atau membiarkan tanpa usaha. ia dijelaskan sekali sahaja dalam masa setahun biarpun tanah itu diusahakan beberapa kali. Ini adalah pandangan ulama' Mazhab Hanafi, dan dipersetujui oleh ulama' Mazhab Shafi<sup>C</sup>i dan Hanbali) (Zaydan, 1976; al-Qardawi, 1977).

Mengikut <sup>C</sup>Umar r. a bahawa tanah pertanian *Sawad* tidak boleh dibahagikan seperti mana pembahagian dibuat ke atas harta rampasan perang. Malah, harta itu hendaklah diletakkan di bawah hak milik *Baitul Mal* orang-orang Islam dan ia hendaklah dibelanjakan bagi kepentingan mereka (<sup>C</sup>Ali al-Kharbutli, 1969). Tindakan ini di anggap satu pembaharuan terhadap tanah pertanian semasa pemerintahan <sup>C</sup>Umar r. a semasa berkembangnya sistem Feudal di Semenanjung Tanah Arab <sup>C</sup>Umar r. a telah mengambil langkah yang berani dengan menghapuskan sama sekali fahamantuan-tuan tanah dan menukar seluruh bentuk sistem undang-undang tanah dalam Kerajaan Islam (al-Rais, Muhammad Diauddin, 1977; Abi Ja<sup>C</sup>far Ahmad Ibn Nasru al-Dawadi al-



Maliki, 2008).

Mengikuti <sup>U</sup>Umar r. a semua tanah adalah untuk kegunaan manusia seluruhnya, di mana setiap individu mempunyai hak untuk mendapat makanan daripada tanah. Tidak ada seorang pun yang boleh membatalkan hak itu. Keberanian <sup>U</sup>Umar r. a memperkenalkan pembaharuan terhadap tanah masa itu dapat dilihat dalam petikan berikut (Yusuf al-Qardawi, 2015): “Apabila <sup>U</sup>Umar r. a dilantik menjadi Khalifah, beliau telah menghapuskan sistem yang tidak berperikemanusiaan dan enggan membahagikan tanah di antara tentera-tentera Islam. Tindakan <sup>U</sup>Umar r. a itu adalah satu langkah yang berani dalam pembaharuan terhadap tanah. Beliau telah mengisytiharkan bahawa semua tanah adalah sebagai harta Negara dan tanah itu ditinggalkan kepada bekas pengusaha-pengusahanya yang asal dengan mengenakan kadar bayaran tertentu setiap tahun sebagai cukai tanah *Kharaj*.

Sebab itu tanah di Sawad Mesopotamia, Syria dan Mesir adalah diisytiharkan sebagai tanah negara, di mana ianya tidak boleh dijual beli” (Abu Ubayd, al-Qasim ibn Salam, 1986; <sup>U</sup>Abd <sup>A</sup>Aziz al-Ali al-Na<sup>C</sup>im, 1975; al-Rais, Muhammad Diauddin, 1977). <sup>U</sup>Umar r. a telah meletakkan tanah Sawad itu di bawah pemilik-pemilik asal dengan mengenakan ke atas mereka dua perkara, iaitu: *al-Kharaj* ke atas tanah mereka, dan Mengenakan *al-Jizyah* ke atas mereka (Abi al-Farj <sup>U</sup>Abd Rahman Ibn Ibn Rajab al- Hanbali, t. th; Yahya Ibn Adam, t. th; Abu Yusuf Ya’kub Ibn Ismail, 1382; Abi Ja<sup>C</sup>far Ahmad Ibn Nasru al-Dawadi al-Maliki, 2008).

Dasar <sup>U</sup>Umar r. a tidak membahagikan tanah pertanian di Iraq itu adalah semata-mata bertujuan untuk menghapuskan fahaman tuan tanah di kawasan tersebut. Perbuatan Nabi s. a. w. membahagikan tanah Khaibar (Abi al-Farj <sup>U</sup>Abd Rahman Ibn Ibn Rajab al-Hanbali, t. th; Yahya Ibn Adam, t. th; Abu Yusuf Ya’kub Ibn Ismail, 1382; Abi Ja<sup>C</sup>far Ahmad Ibn Nasru al-Dawadi al-Maliki, 2008) itu tidak membahayakan kepada perkembangan fahaman itu ketika itu, kerana tanahnya sedikit, tetapi tanah di Iraq dan Syiria adalah terlalu luas dan pembahagiannya kepada tentera-tentera Islam adalah boleh membawa keburukan pada perkembangan fahaman tersebut (Mohd Ridzuan,

1987; Mat Saad, 1996).

Umar r. a berpendirian tegas bahawa maslahat umum bagi Islam dan umatnya, menghendaki bahawa tanah-tanah itu tidak diagih-agihkan kepada mujahidin tentera Islam yang menakluki negeri-negeri tersebut. Umar r. a mengekalkan tanah itu kepada penduduknya yang asal dan orang-orang Islam hanya memadai dengan mengambil *kharaj* yang dibayar ke atas tanah itu kepada Baitul Mal (Mohd Ridzuan Awang, 1987).

Kadar penetapan cukai pada masa Umar r. a adalah menunjukkan keadilannya dalam pentadbiran dan dalam membuat keputusan yang mencakupi bukan sahaja orang-orang Islam, malah orang-orang yang bukan Islam seluruhnya (Mat Saad bin Abd Rahman, 1996). Dr Yusof al-Qaradhawi (2012) menyifatkan perkara ini bukanlah bertentangan dengan al-Quran dan al-Sunnah kerana ia berdasarkan pengkhususan bagi umumnya makna rampasan perang “Apa yang kamu rampas” dengan pengalihan kepada bentuk lain dan seumpamanya iaitu yang diperolehi secara rampasan dan diperolehi dengan hakikatnya bagi setiap anggota tentera. Telah disebut oleh beberapa riwayat bahawa Nabi s. a. w. tidak membahagikan Khaibar keseluruhannya bahkan Baginda hanya membahagikan sebahagiannya dan menggunakan sebahagiannya untuk perbelanjaan pemerintah. Sebagai contoh, di Iraq, Umar r. a telah mengenakan empat jenis cukai (*kharaj*) ke atas empat jenis tanah pertanian yang berbeza, iaitu:

1. Hirah iaitu kawasan yang ditakluk secara perjanjian perdamaian. Kadar cukai yang dikenakan adalah berdasarkan kepada perjanjian yang dibuat dan cukai itu dibahagi antara mereka, tetapi mereka tidak dikenakan *jizyah* (Abu Ubayd, al-Qasim ibn Salam, 1986).
2. Tanah-tanah dan harta yang dimiliki oleh tuan-tuan tanah dan peladang-peladang yang dipanggil *dahaqin*. Umar r. a tidak pernah membuat perjanjian perdamaian dengan golongan ini. Tuan-tuan tanah ini dikenakan *kharaj* berdasarkan kepada hasil yang mereka keluarkan (al-Rais, Muhammad Diauddin, 1977).
3. Tanah yang dipunyai oleh keluarga raja dan pegawai-pegawai kerajaan yang mana mereka telah meninggalkan tanah-tanah itu.

4. Tanah yang tidak dimajukan (Abi al-Farj <sup>C</sup>Abd Rahman Ibn Ibn Rajab al-Hanbali, t. th; Yahya Ibn Adam, t. th; Abu Yusuf Ya'kub Ibn Ismail, 1382; Abi Ja<sup>C</sup>far Ahmad Ibn Nasru al-Dawadi al-Maliki, 2008).

### **Bentuk-Bentuk Tanah Pertanian Era Khulafa' al-Rasyidin (11-40 H /634-661 M)**

Berdasarkan kepada kajian yang telah dibuat terhadap pembahagian dan pengagihan tanah di zaman khalifah-khalifah Islam membuktikan tanah-tanah pertanian yang diperakui dalam Islam umumnya ada enam bentuk iaitu (Ibn Rajab).

#### **1. Tanah pertanian yang di takluki samada melalui peperangan atau perdamaian**

Sebelum dari kedatangan Islam, hampir sebahagian besar tanah pertanian yang diperolehi daripada peperangan akan dibolot oleh raja-raja dan golongan tentera. Pemilik-pemilik tanah serta golongan yang tidak berkemampuan hidup dalam keadaan yang tertekan dan tertindas. Namun sejak kedatangan Islam (Abu Yusuf 1382H), agama yang suci ini telah menghapuskan segala bentuk penindasan yang berlaku dengan firmanNya yang bermaksud: "Mereka menanyakan kepadamu tentang pembahagian harta rampasan perang. Katakanlah "Harta rampasan itu kepunyaan Allah dan Rasulnya (al-Qur'an, surah al-Araf 8: 2).

Oleh itu, semua jajahan takluk dan tanah-tanah pertanian yang diperolehi sama ada melalui peperangan (Abu 'Ubayd 1986) ataupun perdamaian adalah milik Allah dan Rasulnya. Tanah tersebut tidak dibahagikan kepada para raja dan golongan tentera sahaja. Bahkan dibahagikan kepada golongan yang tidak berkemampuan (al-Dawadi 2008). Prinsip utama dalam pembahagian tanah yang ditakluki semasa dan selepas zaman Rasulullah s. a. w ialah kebajikan umum (al-Azbawi 1976). Oleh kerana itu, apa jua yang hendak dilakukan apa yang paling diutamakan ialah kepentingan umum dan tidak berlaku penindasan. Maka oleh kerana sifat dan prinsip itulah, tanah-tanah yang ditakluki tidak kesemuanya dibahagikan kepada para tentera bahkan ditinggalkan kepada pemilik asal serta dikenakan bayaran yang tertentu walaupun mereka itu masih belum memeluk Islam (al-Khatib 1976). Inilah yang dikatakan dengan kemuliaan agama Islam, yang sentiasa memberi keadilan kepada segenap lapisan masyarakat tanpa

membezakan apa jua bangsa dan agama (AbuYusuf, 1382H: 158-169; Yahya Ibn Adam, t. th. : 166; Ibn Rajab, t. th. : 45-49; al-Azbawi, 1976: 18).

Di antara kes pembahagian dan pengendalian tanah-tanah pertanian yang ditakluki pada zaman pemerintahan khalifah ialah pembahagian tanah-tanah pertanian diIraq dan Syria. Selepas Iraq dan Syria ditakluki, sahabat-sahabat Rasulullah s. a. w seperti Bilal, Abdul Rahman bin <sup>C</sup>Awf dan Zubayr berpendapat supaya semua tanah pertanian itu dibahagikan kepada anggota tentera sepertimana yang telah dijanjikan sebelum itu. Namun, khalifah <sup>C</sup>Umar r. a mempunyai pendapat yang berbeza. Beliau mahu supaya semua tanah pertanian yang ditakluki ditinggalkan kepada penduduknya yang asal di bawah pengawasan khalifah. Pendapat ini disokong oleh Saiyyidina<sup>C</sup>Ali, Talhah, Muadz bin Jabal, dan <sup>C</sup>Uthman bin Affan (al-Idrisi, 1427: 161-170; 'Abd al- Jawwad, 1971: 36; al-Dawadi, 2008: 58). Setelah satu perdebatan yang panjang berlangsung diputuskan bahawa tanah pertanian diIraq dan Syria diserahkan kepada penduduknya yang asal di bawah pengawasan khalifah demi menjaga keadilan dan kesejahteraan sejagat. Sebagai menyokong pendapatnya, Saiyyidina <sup>C</sup>Umar berkata:

“Bagaimanakah aku boleh membahagikan tanah-tanah pertanian ini di kalangan kamu dan tidak meninggalkan apa-apa kepada generasi selepas kamu. Adakah kamu mahu pendapatan hanya terbatas kepada satu bahagian masyarakat tertentu sahaja dan diwarisi oleh mereka generasi demi generasi?. Jika aku berbuat demikian, bagaimanakah sempadan negara Islam dapat dipertahankan dan bagaimanakah keperluan anak-anak yatim serta orang-orang miskin dapat dipenuhi selepas itu? Aku takut sesetengah orang akan mula bergaduh walaupun hanya disebabkan oleh pembahagi air terusan” (Abu 'Ubayd, 1986: 76-108).

Saiyyidina<sup>C</sup>Ali pula dalam menyokong pandangan Saiyyidina <sup>C</sup>Umar telah berkata: “Para petani dan tanah pertanian mestilah ditinggalkan sebagaimana sebelumnya tanpa pembahagian supaya ia akan menjadi sumber kekuatan

kewangan yang sama kepada semua orang. Jika tanah pertanian itu dibahagikan kepada anggota tentera, harta kekayaan hanya terbatas kepada mereka sahaja dan tidak akan dapat digunakan untuk kebajikan seluruh masyarakat” (al-Azbawi, 1976: 18).

Akhirnya, <sup>Umar</sup> r. a memetik ayat dari surah al-Hashr ayat ke-10 untuk menyokong hujahnya dengan berkata: “Tidakkah kamu mendengar dengan orang-orang yang merasa bimbang dengan keputusanku, Mungkin mereka berfikir aku akan merampas hak mereka. Aku menganggap merampas hak seseorang sebagai penceroboh yang kejam. Ya Allah, lindungilah aku !. Allah menjadi saksi jika aku melakukan sesuatu yang melampaui batas terhadap mereka. Kenyataannya ialah tiada tanah yang tinggal selepas penaklukan tanah Kisra ( Iraq dan Syria ), apakah pendapatan yang akan menampung perbelanjaan pentadbiran khalifah. Hanya rahmat dan kurnia Allah semata-mata yang memberi kita kuasa terhadap kekayaan, tanah dan harta orang-orang Kisra. Saya berpendapat bahawa tanah mestilah ditinggalkan kepada penduduknya yang asal dan mereka sewajarnya membayar kharaj (sewa) supaya pendapatan ini dapat digunakan untuk kebajikan masyarakat dan untuk membayar gaji anggota tentera” (AbuYusuf 1382H: 158-169; Yahya Ibn Adam, t. th. : 166; Ibn Rajab t. th. : 45-49).

Akhirnya diputuskan bahawa tanah-tanah pertanian ini mestilah ditinggalkan kepada penduduk-penduduk <sup>Iraq</sup> dan Syria yang asal serta dikenakan kharaj. Yahya bin Adam (t. th. 164) telah menjelaskan prinsip pembahagian tanah pertanian ini dengan kata-kata: “Khalifah mempunyai hak untuk membahagikan tanah tersebut di kalangan orang ramai dan mengenakan cukai (kharaj) terhadap mereka sebagai sewa tanah. Jika difikirkan wajar. Khalifah akan mengeluarkan perbelanjaan untuk mengusahakan tanah pertanian dari bayt al-mal dan dalam kes ini kedudukan petani sebagai buruh dan semua hasil tanaman akan menjadi milik negara. Khalifah boleh memberi sebahagian tanah-tanah pertanian kepada orang-orang tertentu sebagai hadiah jika difikirkan langkah itu akan memberi faedah yang maksimum kepada masyarakat. Jika terdapat orang Islam yang tidak berupaya untuk memulihkan tanahnya, negara akan menanggung perbelanjaan

pemulihan itu dan akan dibayar balik daripada hasil pengeluaran tanah tersebut. Langkah ini juga dijalankan terhadap petani-petani yang bukan Islam” (Yahya Ibn Adam, t. th. : 166).

## **2. Tanah pertanian secara kontrak atau perjanjian**

Islam merupakan agama yang sangat suka kepada perdamaian. Maka oleh kerana itu, Islam mengalu-alukan sesiapa sahaja yang ingin berdamai dengan pemerintahan Islam asalkan mereka ini patuh kepada syarat-syarat perjanjian yang telah dimeterai (al-Idrisi, 1427: 161-170; ‘Abd al-Jawwad, 1971: 36; al-Dawadi, 2008: 58). Maka kerana kesediaan dan toleransi yang ditunjukkan oleh kerajaan Islam yang dipimpin oleh Rasulullah s. a. w dan khalifah-khalifah Baginda s. a. w. maka telah banyak negara- negara yang bukan beragama Islam sanggup merendahkan diri mereka serta mengakui ketuanan Islam dengan membuat perjanjian terhadap tanah pertanian dengan mereka (Mat Saad, 1996: 219).

Selepas perjanjian tersebut, semua tanah pertanian, perniagaan. dan perindustrian serta benda-benda lain tetap menjadi hak milik mereka yang sah. Kerajaan Islam tidak akan mengganggu gugat dan campur tangan di dalam perkara ini (Mat Saad, 1996: 219). Mereka akan terus dilindungi selagi mereka membayar sejumlah wang yang telah dipersetujui dan tidak melanggar syarat perjanjian yang telah ditetapkan. Terdapat beberapa bentuk perjanjian tanah yang telah dibuat di zaman Rasulullah s. a. w dan khilafah selepasnya. Di antaranya ialah:

### **a. Perjanjian antara Rasulullah s. a. w dengan orang-orang Najran dan ‘Aalah**

Rasulullah s. a. w telah mengadakan satu perjanjian perdamaian dengan masyarakat Kristian Najran (Abu ‘Ubayd, 1986: 109). Tanah serta harta benda mereka diserahkan kepada mereka tanpa sebarang gangguan bahkan mereka ini akan dilindungi daripada sebarang ancaman musuh. Namun, ini semua berlangsung selagi mana mereka tidak melanggar syarat-syarat perjanjian sertasanggup membayar sejumlah wang kepada kerajaan Islam. Selain dari itu, mereka juga tidak boleh mengganggu keamanan yang wujud dalam negara Islam. Namun usaha perdamaian ini akhirnya terhenti pada

zaman Khalifah<sup>C</sup>Umar al-Khattab kerana mereka ini melanggar syarat-syarat perjanjian yang telah ditetapkan. Mereka akhirnya telah dipindahkan oleh Sayyidina <sup>C</sup>Umar r. a ke wilayah-wilayah seperti Iraq dan Syria untuk memulakan kehidupan yang baru (Mat Saad, 1996: 214). Selain dari orang-orang Najran, penduduk<sup>C</sup> Aalah juga membuat perjanjian tanah dengan Rasulullah s. a. w, mereka ini mematuhi perjanjian yang telah dibuat dengan Rasulullah s. a. w sehingga kepada pemerintahan khalifah yang berikutnya. Selama mereka taat kepada perjanjian, selama itulah mereka dilindungi dan hak mereka dihormati (Abu 'Ubayd, 1986: 196).

**b. Perjanjian tanah pertanian pada zaman Khalifah dengan penduduk Damascus Dan Jazira**

Selepas kewafatan Rasulullah s. a. w, perjanjian-perjanjian damai dalam pelbagai bentuk telah diteruskan oleh para sahabat dan khalifah-khalifah yang seterusnya. Sayyidina <sup>C</sup>Umar r. a contohnya merupakan khalifah yang sangat peka terhadap kebajikan negeri-negeri atau penduduk yang membuat perjanjian dengan kerajaan Islam (Mat Saad, 1996: 213). Tanah, harta dan nyawa mereka akan dilindungi daripada sebarang ancaman. Sikap tanggungjawab <sup>C</sup>Umar r. a boleh digambarkan dengan kata-kata beliau yang berbunyi: "Jika seekor anjing mati ditebing sungai Furat, Umar akan dipersoalkan tentangnya pada hari pembalasan" (Fazlur al-Rahman, t. th, 2: 169).

Di antara negeri yang pernah membuat perjanjian damai dengan kerajaan Islam semasa pemerintahan Sayyidina <sup>C</sup>Umar ialah Damascus. Apabila Damascus ditakluki. Khalid bin al-Walid (al-Dawadi 2008: 124) telah mengikat perjanjian dengan penduduk Damascus, di mana segala tanah dan harta mereka akan diserahkan kepada mereka dengan syarat mereka sanggup membayar sejumlah wang kepada kerajaan Islam (Abu 'Ubayd, 1986: 198). Selama mana mereka patuh kepada perjanjian maka selama itulah mereka dan tanah-tanah mereka akan dilindungi (Mat Saad, 1996: 214). Menurut Abu 'Ubayd, (1986: 199) juga, <sup>C</sup>Umar r. a pernah

berkata “Aku menjamin keselamatan nyawa, harta dan rumah-rumah mereka”.

Selain daripada itu, Ayaz bin Ghanum juga telah mengikat satu perjanjian damai dengan penduduk *Jazirah* semasa zaman pemerintahan <sup>C</sup>Umar al-Khattab. Di mana tanah dan harta mereka dikekalkan menjadi milik mereka walaupun telah ditakluki oleh kerajaan Islam. Menurut Abu Ubaid, <sup>C</sup>Umar r. a pernah berkata: “Aku memikul tanggungjawab untuk keselamatan nyawa, harta, anak-anak, isteri, kota dan alat pengisar mereka selagi mereka membayar apa yang telah dipersetujui dalam perjanjian” (Abu ‘Ubaid, 1986: 198; Mat Saad, 1996: 218).

### **c. Tanah pertanian yang dimiliki oleh orang Islam**

Tanah-tanah pertanian di wilayah-wilayah yang penduduknya telah menganut agama Islam, diberi layanan yang sama dengan penduduk-penduduk dari wilayah-wilayah lain yang ditakluki. Tanah tersebut tetap diisytiharkan sebagai milik Allah dan RasulNya. Namun demikian, sebagai penghargaan dan penghormatan di atas keislaman mereka, maka Islam dengan penuh keadilan menetapkan bahawa mereka ini tidak perlu membayar apa-apa kepada negara Islam kecuali *ushur* sahaja (al-Dawadi 2008: 78; Abu Ubaid, 1986: 478-479). Prinsip ini telah diperturunkan oleh Rasulullah s. a. w dengan sabdanya yang berbunyi: “<sup>C</sup>Umar r. a yang telah memeluk Islam telah menyelamatkan nyawa dan harta mereka”.

Prinsip ini juga digunakan untuk semua orang Arab dan bukan Arab seperti yang dijelaskan oleh Abu Yusuf (Abu Yusuf 1382H, 25-40; Yahya Ibn Adam t. th.: 166; Ibn Rajab t. th. : 45-49) dengan kata-katanya: “Jika penduduk dalam sesebuah negara memeluk Islam, nyawa mereka akan selamat. Semua harta yang dimiliki pada masa tersebut akan kekal bersama mereka. Tanah-tanah pertanian akan kekal menjadi milik mereka dan mereka akan diberi layanan sebagai *ushur*. Dan apabila penduduk Madinah menganut agama Islam, semua harta mereka kekal menjadi milik mereka.



layanan yang sama juga diberikan kepada penduduk Bahrain. Sesiapa dari kalangan orang Badwi yang memeluk agama Islam dibenarkan memiliki telaga dan tanahnya. Tiada sesiapaupun yang boleh mengganggu hak miliknya. Walau bagaimanapun, semua penduduk tidak mempunyai hak untuk menghalang binatang biri-biri daripada minum air atau menyekat binatang-binatang unta daripada memasuki tanah mereka”(Abu ‘Ubayd, 1986: 199).

#### **d. Tanah negara**

Tanah pertanian yang tidak berpenghuni dan tidak dimiliki oleh sesiapa diisytiharkan sebagai tanah hak negara oleh negara Islam (Debs 1963: 8-48; Lait & Lim 2006: 20). Demi untuk kebajikan masyarakat, negara Islam biasanya memberikan tanah-tanah tersebut yang dipanggil *Qat’i* dilakukan dalam dua bentuk (Yahya Ibn Adam t. th. 77- 80; Ibn Rajab t. th. : 123). Dari segi sejarah, kategori tanah ini telah diselesaikan melalui pelbagai cara iaitu pemilikan penuh (lqtatamlik’), atau dengan pemberian secara milik bertempoh (lqta’Istlghlal) (Debs 1963: 8-48).

1. Tanah diberi untuk pemulihan (untuk memulakan kehidupan yang baru) kepada orang-orang yang mengusahakannya sendiri (al-Naim 1975: 147; al-Azbawi 1976: 17).
2. Tanah diberikan kepada orang-orang yang melakukan khidmat berguna kepada masyarakat. Oleh itu mereka tidak boleh mengerjakannya sendiri tanah tersebut melainkan untuk diusahakannya kemudian berkongsi hasil pengeluarannya atau pendapatannya. Khalifah telah memberikan tanah-tanah negara dalam kedua-dua kes ini (<sup>C</sup>Abd Aziz 1999: 68; al-Kharahi, 1318H 18; al-Khasani, 1919: 19; al-Sharbini, 1994: 208).

#### **e. Tanah kontang**

Di awal zaman pemerintahan khalifah, tanah-tanah berikut dianggap sebagai tanah kontang (kering) antaranya ialah (Debs 1963: 8):

1. Batu-batu keras atau tanah berpasir;
2. Dataran yang luas;
3. Tanah yang diliputi semak. kawasan yang menakung air atau dilanda banjir;
4. Tanah-tanah yang musnah disebabkan perubahan perjalanan sungai sehingga tidak dapat bercucuk tanam;
5. Tanah tinggi yang kering;
6. Semua tanah di sekeliling tasik, sungai dan lain-lain yang tidak dapat diusahakan.

**f. Tanah rizab**

Tanah dan benda-benda yang bukan dihasilkan melalui daya usaha dan tenaga seseorang dipanggil tanah rizab yang boleh dikongsi bersama oleh semua orang dalam negara Islam (Abu 'Ubayd, 1986: 304-305). Di antara tanah-tanah yang diisytiharkan sebagai tanah bebas ialah:

1. Padang rumput

Dalam zaman pra Islam, pemimpin-pemimpin dan pemilik-pemilik tanah yang kaya menyimpan padang-padang rumput negara untuk kegunaan mereka sendiri dan tidak membenarkan orang kebanyakan menggunakannya (Muhamad Akhir 1991: 405). Islam telah memberhentikan tradisi yang tidak adil ini dan mengisytiharkan semua padang rumput sebagai harta negara yang wajar digunakan oleh semua orang. Perkara ini dijelaskan oleh Rasulullah s. a. w dengan sabdanya yang bermaksud: "Hima hanya dimiliki oleh Allah dan RasulNya" (Abu Daud, 1952: 171).

*Hima* ialah tanah yang dibiarkan untuk ditumbuhi rumput dan makanan binatang kepunyaan ramai. Tanah ini tidak dikerjakan (Abu 'Ubayd, 1986: 304-305). Abu Ubaid pernah berkata haram menghalang seseorang daripada menggunakan benda-benda bebas (percuma) seperti padang rumput yang merupakan harta orang ramai yang dikongsi bersama oleh mereka (Abu 'Ubayd, 1986: 304-

305). Rasulullah s.a.w pernah bersabda yang bermaksud: “Manusia berkongsi dalam tiga perkara iaitu dalam memiliki air, rumput dan api” (Ibn Hanbal, t.th.: 204).

## 2. Hutan

Hutan-hutan juga dikongsi bersama oleh semua orang dan tidak diperuntukkan kepada seseorang yang tertentu (al-Sharbini, 1994: 508; Ibn Qudamah, 1992, 8:176). Rasulullah s. a. wtelah memperuntukkan hutan *Dumat al-Jandal* di bawah pengurusan khalifah dan selepas kewafatan baginda, khalifah-khalifah tidak membahagikan hutan di wilayah-wilayah yang ditakluki kepada anggota-anggota tentera, tetapi menyimpannya di bawah pengurusan negara (Fazlur ar-Rahman, t.th.: 176).

## 3. Lombong

Semua tanah yang mengandungi hasil galian seperti tasik, garam, telaga minyak dan lain-lain juga merupakan bukan hasil sesiapa. Maka, ia diletakkan di bawah pengawasan khalifah. Beliau menentukan bentuk pengurusan tanah itu berdasarkan keperluan orang ramai dan kesesuaian masa, seterusnya menyediakan peluang kepada mereka untuk menggunakan hasil lombong itu untuk kepentingan bersama (Abu ‘Ubayd, 1986: 304-305).

Dapatlah disimpulkan bahawa padang rumput, hutan, tasik, garam, minyak tanah dan benda-benda lain yang seumpamanya yang biasa digunakan oleh semua orang dan merupakan anugerah dari Allah S. W. T secara semulajadi adalah diletakkan di bawah pengurusan khalifah secara langsung (al-Dawadi 2008-1429: 61; Abu ‘Ubayd, 1986: 47). Bentuk dan faedah yang dibuat hendaklah bertujuan untuk kebajikan orang ramai. Hal ini bersesuaian dengan satu kaedah fiqh yang bermaksud: “Tindakan yang dijalankan oleh khalifah terhadap rakyat adalah bergantung kepada kepentingan ramai” (al-Burnu, 2000: 33).

Maka dengan ini, khalifah merupakan orang yang terpenting dalam usaha memberi keadilan kepada syarak sejagat. Ketidakadilan khalifah akan menyebabkan rakyat tertindas dan hidup dalam kesusahan.. Secara perbandingan, kita dapati bahawa konsep tanah negeri/negara yang terkandung dalam Kanun Tanah Negara 1965 lebih luas daripada apa yang terdapat dalam perundangan Islam. Dalam Islam, tanah negeri terbahagi kepada dua kategori iaitu (Salleh Buang 1991: 68): Tanah yang boleh dilupuskan oleh pemerintah kepada sesiapa sahaja yang dikira layak menerimanya dari segi syarak iaitu melalui cara Iqta' dan Tanah yang tidak boleh dilupuskan kepada sesiapa jua termasuk tanah Rizab.

### **3. Perkembangan Ilmu Pertanian Di Zaman Umawiyah**

Sebenarnya orang-orang Islam dan para petaninya sudah pun mempunyai ilmu pertanian yang sesuai dengan iklim masing-masing. Mereka mendapat pengalaman mengenai keadaan pertumbuhan pokok ketika musim sejuk dan panas juga musim bunga dan buah. Semuanya mengajar mereka untuk menentukan masa atau waktu yang sesuai untuk menjalankan pertanian jangka pendek (Abdullah al-Qari 2009: 208). Kepesatan di bidang ilmu dan perkembangan tanah pertanian selari dengan kepesatan penyebaran Islam sendiri. Kewujudan kerajaan Islam Sepanyol semenjak pemerintahan Bani Umayyah (al-Idrisi, 1427H: 161-170) telah menjadi suatu contoh terbaik dalam kemajuan pertanian di Eropah dengan wujudnya pakar-pakar ilmu tumbuhan, pakar sains, pakar pertanian dan lain lain lagi sehingga hasil pertanian dapat di eksport ke luar negeri (al-Idrisi, 1427H: 161-170; al-Rais 1977: 96).

Sebelum pemerintahan Islam Bani Abbasiyyah berpusat di Kota Baghdad lagi, orang-orang Rom dan India seperti Galinus dan Dioscurides telah menulis buku-buku mengenai pertanian. Buku-buku ini dianggap berharga oleh orang-orang Islam yang telah mendapat pancaran roh dan semangat daripada al-Quran (Abdullah al-Qari 2009: 208). Oleh itu, mereka mengkaji dan menterjemahkannya ke dalam bahasa Arab untuk panduan para petani. Pada masa yang sama, para petani Islam telah mempunyai inisiatif dan semangat untuk mencipta teknik yang menyuburkan pertanian terutama dari segi pengairan khasnya di kawasan lembah Mesopotamia antara sungai Furat dan Tigris di mana di kawasan ini terdapat tanah lembah yang luas dan sangat baik untuk pertanian. Demikian juga di lembah sungai Nil, Mesir dan juga di Sepanyol (al-Rais, 1977: 16).

Banyak buku pertanian muncul terutama mengenai teknik menaikkan air, kincir air,imbangan air dan jam air; merupakan jam pertama rekaan ahli sains Islam, yang pernah dihadiahkan oleh Khalifah Harun al-Rasyid kepada Raja Charlemagne Perancis dan ia menggemparkan dunia Eropah seluruhnya (Ibn Athir 1965, 6: 480).

Sarjana Islam banyak menulis mengenai sejarah kejadian alam (Natural History) dalam bentuk syair. Antara yang terkenal ialah Asmaiy dari Basrah (740-828 Masihi) berjaya menulis tentang ilmu tumbuhan, kayu-kayuan (perhutanan), tentang anggur, batang tamar dan sebagainya. Terdapat sebuah buku pertanian karya Ibn Wahsyiyah (800 Masihi) bertajuk Petani Nabatea: (Nabatean Agriculture ) serta dongeng Babylon dan Smitten untuk menggalakkan para petani terutama di kawasan Mesopotamia. Ia memuatkan tentang penjagaan tanaman dan teknik penternakan (Abdullah al-Qari 2009: 208). Buku-buku pertanian Islam pada masa itu juga banyak menyentuh herba atau khasiat perubatan kerana ia menampakkan kegunaan yang jelas.

Di samping itu, tidak ketinggalan ilmu penternakan kerana bertani dan berternak merupakan dua kegiatan yang saling berkaitan antara satu sama lain (Ibn Athir 1965, 6: 480). Gabenor Mesir Amr bin al-'As r. a. memberi gaji yang lumayan 100, 000 orang buruh penggali tali air di Mesir. Rakyat diberi hadiah apabila dapat menemui sumber air yang baru. Di Marv timur Khurasan terdapat 10, 000 pekerja "Dewan Air". Dalam bidang tumbuhan, umat Islam mengusahakan kebun-kebun secara sistematik dari peringkat awal sampai ke peringkat akhirnya dan diikuti dengan percubaan-percubaan di sekitar Baghdad, Cordova (Sepanyol) dan Kaherah (lembah Nil). Mereka dapat mengetahui perbezaan pembenihan antara tumbuh-tumbuhan yang berbagai-bagai melalui eksperimen-eksperimen yang mereka lakukan (Abdullah al- Qari 2009: 208).

#### **4. Perkembangan Ilmu Pertanian Di Zaman Abbasiyyah**

Kemuncak kemajuan ilmu yang dicapai oleh umat Islam ialah pada Zaman Pemerintahan Abbasiyyah yang berpusat di kota Baghdad terutama bawah pemerintahan Khalifah al-Ma'mun (813-833 Masihi) (Ibn Yahya & Hamidah, 2010: 64). Pada masa ini mula diterjemahkan ilmu tumbuh-tumbuhan yang masih ada dalam kesusasteraan Yuhani dan India (Ibn Athir 1965, 6: 480). Antaranya buku yang ditulis oleh Dioscurides yang bernama "Materia Medica" dan buku karya Galen. Buku-buku ini

dikaji dan dibuat percubaan mengenai segala pendapat yang diutarakan (Ibn Yahya & Hamidah, 2010: 64). Ibn Juljul dari istana di Andalus tampil di abad ke-4 Hijrah dengan bukunya "Fainafat Wa Dioscurides" yang mengkaji nama-nama herba dan ubatnya iaitu sesudah beliau berjaya sebagai sejarawan dalam ilmu kedokteran (Ibn Athir 1965, 6: 480). Beliau banyak menambahkan bahan ke dalam ramuan yang telah disebut "Dioscurides" serta memberi komentar kepada buku tersebut. Ketika pakar-pakar ilmu tumbuhan menjelajah dari sebuah negeri ke sebuah negeri, menulis buku tentang pelbagai tumbuhan yang mengandungi ubat.

Pada zaman pemerintahan Khalifah al-Mutawakkil (847-861 Masihi) (Ibn Yahya & Hamidah, 2010: 64), Istafan bin Sasil telah menterjemahkan sebuah buku karya *Dioscurides* ke dalam bahasa Arab. Buku ini kemudiannya dibawa ke Sepanyol pada masa pemerintahan Khalifah Abdul Rahman al-Nasir di abad ke-10 Masihi (4 Hijrah) dan (diterbitkan dalam bahasa Sepanyol dengan nama Libro de Agriculture (Ibn Athir 1965, 6: 480).

Putera Sepanyol Ibn al-Baitar al-Malaqi (Malaga), abad ke-7 Hijrah mengkaji buku ini dengan teliti. Kemudian beliau menjelajah ke Yunani dan sekitarnya untuk mengkaji lebih lanjut tentang tumbuhan dan rumput rampai. Kemudian beliau pergi ke Syria dan akhirnya ke Mesir berkhidmat kepada Raja al-Malik al-Kamil al-Ayyubi (Abdullah al-Qari 2009: 208). Di sinilah beliau menulis buku ilmu tumbuhan, di mana salah satunya iaitu kitab Jami' Mufradat at Adwiyah (Himpunan Perubatan Tunggal) berjaya mendedahkan 1400 jenis tumbuhan dan khasiat herba serta faktanya yang belum diketahui sebelumnya. Buku ini diterjemahkan ke dalam bahasa Latin (Perancis:oleh Luckher dan telah diulang cetak pada tahun 1759 Masihi) dan dia menjadi sumber kajian sarjana-sarjana Eropah. Manakala sebuah karya lagi iaitu al- Aghdziyyuh juga diterjemahkan menjadi dua jilid pada tahun 1877 dan 1881 (Abdullah al-Qari 2009: 208).

### **1. Kemajuan Pertanian di Dunia Islam di Zaman Abbasiyyah**

Di abad ke-10 Masihi muncul sebuah kerajaan Islam yang terkenal di Eropah di bawah pimpinan Khalifah Abdul Rahman al-Nasir (921-961 Masihi) sebuah kerajaan tunggal Islam di Barat yang digeruni juga menguasai Afrika. Ibu kotanya ialah al-Zahra'. Kerajaan Islam ini adalah yang paling maju di mana

di bawah pimpinan beliau, Sepanyol bukan sahaja bertaraf negara pertanian tetapi meningkat kepada negara perusahaan (Abdullah al-Qari 2009: 208). Di samping itu, beliau telah berjaya menjadikan Sepanyol sebagai pusat perkembangan ilmu di Eropah di mana beliaulah orang yang mula-mula mendirikan sekolah kedoktoran yang pertama di Eropah dan mendirikan sebuah perpustakaan terbesar di dunia, mengandungi 600,000 buah buku (Abdullah al-Qari 2009: 208), merupakan suatu jumlah yang terbesar di kala itu. Buku- buku itu mengandungi pelbagai jenis ilmu termasuk ilmu Agama, Sains, Botani, Sastera dan lain-lain (Ibn Athir 1965, 6: 480).

Sepanyol sebagai bekas jajahan kerajaan Rom telah menerima cara bertanam yang baru; kemudian dengan kedatangan orang-orang Arab yang membawa agama Islam ke sana menyebabkan sistem pertanian lebih maju dengan adanya cara pengairan moden. Ini ditambah pula dengan faktor buminya yang sedia subur kerana ia berdekatan mendekati Saba' di Arab Selatan (al-Ya'qubi 2002: 192). Tidak hairanlah apabila Khalifah berjaya mendirikan Kota al-Zahra' yang terkenal itu. Di sana, beliau membina bangunan-bangunan, istana, taman-taman indah dan tempat-tempat pelancongan menarik yang dihubungkan dengan kawasan-kawasan pergunungan dan dialirkan air terjun dan pancuran-pancuran air ke kawasan tersebut (dengan jarak lima kilometer), merupakan suatu model yang baru di dunia Eropah. Penanaman mula ditumpukan kepada dua jenis penanaman buah-buahan dan penanaman ubat-ubatan (herba). Ketika itu, kajian mengenai sistem pertanian seperti tanah-tanah, cara mengusahakan tanah, membaja, memetik hasil dan sebagainya telah dilakukan (Abdullah al-Qari 2009: 208).

Ketika itu juga, di Sepanyol sendiri telah lahir pengkaji-pengkaji tumbuhan dan pertanian. Antaranya Yahya bin Muhammad bin al-'Awwam, pengarang buku (Petani, Pekebun). Demikian juga Ibn Bashal, Ibn al-Khair al-Asybily (Sevilla) dan Alhaj al- Gharnathy (Granada). Juga terkenal nama Abu Ja'far al-Ghafiyy dan Ibn al-Bitar. Tidak ketinggalan ahli sains Islam Jabir bin Hayyan (721-815) yang terkenal di Eropah dengan nama Geberi; turut menyentuh ilmu Tumbuhan (Botani) di samping menyentuh Kimia dan Sains (Abdullah al-Qari 2009: 208).

Ibn al-Baitar (1248) selain menulis ilmu Tumbuhan-tumbuhan, beliau juga meninggalkan buku mengenai perubatan yang sederhana yang berasaskan pertanian (herba). Ibn al-'Awwam dengan bukunya telah memberi panduan-panduan baru untuk mengusahakan tanah dan waktu-waktu bertanam; juga menyentuh berbagai-bagai penyakit pokok; dan bertanam anggur secara khusus. Kitab "al-Fallah" atau "Kitab al-Fallahah" (Abdullah al-Qari 2009: 208) (Pemaju Pertanian) mengandungi 35 bab. Selain itu Ibn Juljul dan Ibn Zuhr, adalah dua orang pakar pertanian Sepanyol (Najjar, t.th: 286;. Nor Azzah 2011: 96). IbnZuhr, Abu Marhan 'Abd. Malik bin Abi al-A'la (1092-1161 Masihi lahir di Sevilla), terkenal dengan gelaran Avenzoar Abhomeron di Eropah (Abdullah al-Qari 2009: 208).

Seorang doktor perubatan beragama Islam di Cadiz, membuat kajian di luar negeri, dan membawa balik pokok-pokok herba lalu menanamnya di Taman Gabenor, sebuah perkebunan besar yang mengandungi pelbagai tanaman untuk kajian. Juga terdapat pena-naman dan penyelidikan di Taman Botanical di Sevilla dan Toledo. Inisiatif ini kemudiannya ditiru di Eropah di abad ke-16 (Abdullah al-Qari 2009: 208).

Manakala Rasyiduddin bin al-Shuri (abad ke-7 Hijrah 639 M) yang mengkaji sifat tumbuhan dan rumput rampai di Syria dan Lubnan dengan bukunya (The Singular Cures: Pengubatan Tunggal). Beliau mencatatkan bentuk semua bahagian pokok (umbi, batang, daun dan warna) tumbuhan terutama tumbuhan di Syria dan Lubnan. Susunan buku ini mudah untuk mencari jenis, golongan dan nama tumbuhan. Ketika itu dunia Eropah masih gelap mengenai ilmu ini (Abdullah al-Qari 2009: 208).

Seterusnya Ibn al-Awwam al-Andalusiy (abad ke-7 Hijrah juga dari Sevilla) ialah seorang pakar ilmu tumbuhan di mana kitabnya mengenai pertanian yang berasaskan sumber Yunani dan Arab serta percubaan-percubaan petani Islam Sepanyol telah diterjemahkan ke dalam bahasa Perancis oleh Muler dan dicetak di Paris pada tahun 1877. Kitab beliau bernama *al-Fallah* (Pekebun) menghuraikan tentang 585 jenis tanaman, dan cara pembenihan lebih daripada 50 jenis pokok



buah-buahan. Buku ini membicarakan tentang jenis tanah, taksonomi (klasifikasi) tumbuhan, metode bertanam, teknik pertanian, metode pembenihan, agronomi (ilmu pertanian), irigasi (pengairan), perkebunan, taman dan tanaman obat (herba) (Abdullah al-Qari 2009: 208).

Di samping itu Abu Ja'far al-Nafiqi al-Qurtubi (Cordova: 1165 Masihi) telah berjaya menghasilkan sebuah buku yang menganalisis hampir semua tumbuhan di tanah Sepanyol dan Afrika Utara di mana setiap tumbuhan diterangkan dengan nama Arab, Latin dan Barbar serta dengan deskripsi (gambaran) yang lengkap. Seterusnya tidak dapat (dilupakan nama Jabir bin Hayyan (731-815 Hijrah) atau Ben Hayyan, pengasas ilmu Kimia yang lebih dikenali di Eropah dengan nama "Gaber" di mana beliau terlibat dengan penulisan ilmu tumbuhan dengan karyanya yang bernama Olji (Tumbuhan) dan (Batu-batuan).

Demikian juga Dhiya'uddin Abu Muhammad ' Abdullah bin Ahmad yang lahir di Malaga (1190 Masihi) seorang ahli tumbuhan (Abdullah al-Qari 2009: 208). Demikianlah Islam telah berjaya memberi sumbangan yang besar kepada dunia pertanian di baral dan di timur sedangkan ketika itu dunia Eropah masih mundur dalam bidang ini. Pengkaji-pengkaji Islam telah berjaya mendedahkan kira-kira 2000 jenis tumbuhan yang belum diketahui sebelumnya. Pada masa itu juga Eropah belum mengenali tebu dan mereka meminum madu sebagai suatu budaya minuman manis di sana sedangkan dunia Islam telah berjaya memproses tebu menjadi gula. Dunia Eropah perlu mengakui kebenaran kata-kata cendekiawan Perancis Dr. Gustave Le Bon: " Islamlah yang mula-mula memajukan bangsa Eropah" (Abdullah al-Qari 2009: 208).

Tanaman-tanaman baru ini ditanam bersama-sama tanaman yang sedia ada iaitu anggur, zaitun, tin, ceri, epal, pear, delima dan badam al-Bajari yang juga dibavva masuk oleh orang Islam, manakala kawasan yang lebih panas, ditanam pisang dan kurma. Sepanyol berjaya mengeluarkan hasil tanaman yang terbaik. Petani dan peladang Sepanyol berjaya menghasilkan buah-buahan yang dapat dieksport ke luar negeri, antara lain ialah disebabkan kesuburan tanah dan

sistem pengairan yang baik berkat kajian pakar-pakar pertanian Sepanyol sendiri (Abdullah al-Qari 2009: 208).

Maksudnya: "Justeru bangsa Arab telah berjaya mencapai tahap kemuncak kemajuan dalam segi pertanian seperti yang ditunjukkan di Sepanyol".

Demikian tulisan Dr. al-Zahir 'Abd. Salam Hafiz" Ketika itu juga telah ada risalah-risalah ilmiah tentang panduan menanam pokok-pokok tertentu yang diterjemahkan daripada karya-karya yang terdapat di Asia, iaitu buku-buku panduan menanam padi, gandum hitam, tebu, delima, kapas, bayam, asfar, pisang, limau sunkist, limau, safarjal (qunce - mirip epal), limau India, khaukh (persik), kurma, tin, syalik, halia, pohon damar dan zaitun".

Dr Nuruzzaman Siddiqiy dalam bukunya pernah menulis: "Benih tanaman baru yang ditanam oleh kaum Muslim ke Andalusia (Sepanyol) segera pula menyebar ke seluruh Eropah. Hal ini dapat dibuktikan bahawa nama-nama tanaman atau hasilnya dalam bahasa Inggeris jelas memperlihatkan jejak Arab".

Dalam bidang tumbuhan, umat Islam mengusahakan kebun-kebun secara sistematik dari peringkat awal sampai ke peringkat akhirnya dan diikuti dengan percubaan-percubaan di sekitar Baghdad, Cordova (Sepanyol) dan Kaherah (lembah Nil). Mereka dapat mengetahui perbezaan pembenihan antara tumbuh-tumbuhan yang berbagai-bagai melalui eksperimen-eksperimen yang mereka lakukan. Selain sains pertanian ini berkembang di Sepanyol, juga turut berkembang pesat di Iraq, Mesir dan juga Syria (kenal pengeluar buah-buahan terutama epal) sehingga ke akhir ati ke-14 Masihi. Justeru, wujudlah beberapa negara Islam yang menjadi pengeluar tanaman dan buah-buahan berikut.

- a. Beras (padi) Iaitu negeri Pakistan, Indonesia, Mesir, Iran, Afghanistan Malaysia, Guinea, Iraq, Mauritania, Turki, Mali, Senegal. Zambia, Bangladesh, Brunei, Sivaliun, Sudan dan lain-lain.
- b. Zaitun Iaitu negeri Turki, Tunisia, Algeria, Syria, Jordan, Mesir, Libya,

- Maghribi dan Lubnan. Tetapi negara pengeluar utama: ialah Sepanyol.
- c. Tamar iaitu Iran, Algeria, Maghribi, Iraq, Saudi, Mesir, Tunisia Libya, Sudan, Mauritania, Oman dan Emiriyah Arab Bersatu.
  - d. Buah-buahan iaitu Jordan, Afghanistan, Iran, Turki, Saudi, Oman, Syria Iraq dan Lubnan.
  - e. Sayur-sayuran iaitu Tunis, Bahrain, Mesir, Iraq, Jordan, Lubnan, Oman, Qatar, Singhal, Srialiun dan Emiriyah Arab Bersatu.
  - f. Kelapa sawit iaitu Nigeria, Malaysia, Guinea, Zambia, Indonesia, Srialiun dan lain-lain. Tanaman ini mula ditanam di Malaysia pada tahun 1917 Masihi.
  - g. Kelapa iaitu Indonesia. Malaysia, Maldives dan Jazr al-Qamar. Dan tebu ialah Mesir, Pakistan, Indonesia, Somalia, Nigeria. Bangladesh, Euthophia, Afghanistan, Sudan dan Uganda (Abdullah al-Qari 2009: 208).

## KESIMPULAN

Secara keseluruhan sejarah perkembangan pertanian dalam Islam mempunyai tunggak atau dasar yang jelas isitu memakmurkan bumi Allah dan melaksanakan tugas manusia sebagai khalifah Allah. Hasil kajian mendapati bahawa dasar pertanian Islam berteraskan konsep *tauhiyyah*, *rububiyah*, *tazkiyah*, *tanmiyah*, *khilafah*, *insaniyyah*, *akhlaqiyyah*. Implikasi kajian ini secara langsung sebagai rujukan untuk menerapkan dasar pertanian Islam untuk mentransformasikan pertanian sejajar dengan Syarak.

## RUJUKAN

- Abd Wahab Najjar, al-Khulafa' al-Rasyasidun, Dar Fikr al-Arabi, Damascus Syiria, t. t, hlm 286. –
- Abdullah al-Qari Salleh, 2009. Islam Penggerak Revolusi Pertanian, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, cetakan 2.
- Abi Ja'far Ahmad Ibn Nasru al-Dawadi al-Maliki, Kitab Amwal, Dar al-Kutub al- Ilmiyyah Beirut Lubnan, 2008-1429, hlm 61
- Abu Daud, Sulaiman Ibn al-Asy'at al-Sajistani, 1871/1952, Sunan, Juz 11, Kaherah Mesir: Mustafa Bab al-Halabi, hlm. 171.
- Abu Ubayd al-Qasim bin Sallam. 1981M-1401H. *al-Amwal*, Kaherah Mesir: Maktabah al-Kuliyah al-Azhariyyah.
- Abu Yusuf Ya'kub Ibn Isma'il, Kitab al-Kharaj, Kaherah: al-Matba<sup>c</sup>ah al-Salafiyat , cet. 2, 1382 H, hlm. 158-169.
- Ahmad Ibn Hanbal, Abu Abdullah Ibn Muhamad Ibn Hanbal Ibn Hilal Ibn Asad, t. th.

- , al-Musnad, Jilid V, Beirut Lubnan: al-Maktabah al-Islamiyy, hlm. 204.
- al-Azbawi Hasab Muhammad al-Azbawi, , al-Mawarid al-Maliah al-Islamiyyah, wa al- Dharaib al-Muasirah, Dar al-Qahirah Mesir, 1976-1396.
- al-Idrisi, Alban Ibn Mahfuz al-Idrisi, al-Mawarid al-Maliah li-Addaulah al-Islamiyyah fi al-AsrUmawiyy, Mamlakah al-Arabiyyah al-Saudiyyah. Matbaah 1, 1427. hlm
- al-Kharahi, Mohamad bin Abdullah, 1318, Sharh al-Khurasi ala- al-Mukhtasar Saidy Jalil al-Kharasi, jil. 4, Beirut Lubnan: Dar al-Sadoq, hlm. 18.
- al-Khasani, Abu bakar Ibn Masud al-Khasani, 1327/1919, Bada' al-Sana'i, jil. 6, Kaherah Mesir, Matba<sup>C</sup>ah al-Jamaliyyah, hlm. 19.
- al-Khatib, 'Abd al-Karim, al-Siyasah al-Maliah fi al-Islam wa silatuha bi al-Muamalat al-Muasirah, Dar Fikr al-Arabi Qahirah Mesir, 1976, hlm 68-70.
- al-Naim, 'Abd Aziz al-Ali, Nizam al-Dharaib fi al-Islam, Wamada Tatbiqih fi Mamlakah al-Arabiyyah al-Saudiyyah. 1975, Maktabah al-Saudiyyah Riyadh, hlm 147.
- al-Qaradhawi, Yusuf, Islam Holistik Praktikal, Sesuai di setiap tempat dan masa, 2012 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan hlm 176.
- al-Rais, Muhammad Diauddin al-Rais, al-Kharaj wa al-Nuzum al-Maliah, Dar al-Ansar Qahirah Mesir, Cetakan 4, 1977, hlm 96.
- al-Sharbini, Shams al-Din Muhammad Ibn Muhammad al-Khatib al-Sharbini, 1994M- 1415H, Mughni al-muhtaj, Dar al-Kutub al-<sup>C</sup>Ilmiyyah. hlm 208.
- al-Ya'qubi, Ahmad Ibn Abi Ya'qub Ishaq Ibn Abi Jaafar, al-Buldan, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah Beirut Lubnan, 2002, hlm192
- <sup>C</sup>Abd Aziz, Amir, Fiqh al-Kitab wa al-Sunnah, Qahirah Mesir: Dar al-Salam, cet. 1, 1999M-1419H, hlm. 68.
- Debs, R. A. The Law of Property in Egypt, Islamic Law and Civil Code, Priceton University, Ph. D 1963, History Moden, University Microfilm Inc, Ann Arbor, Michigan U. S. A. , hlm 8-48
- Fauzi Amin Ibn Yahya & Dr Fathi Salim Hamidah, Tarikh al-Daulah al-Abbasiyyah al-al-Abbasiyy al-Syani, 2010, Cetakan 1, hlm 64.
- Fazlur ar-Rahman, t. th., Islam dan Masalah Keadilan Ekonomi, Saiful Azhar Kuala Lumpur: A. S Norden, jil. 2, hlm. 169.
- Ibn Athir, Izuddin Ibn Hasan Ibn Ali Ibn Abi al-Karim al-Makruf Ibn Athir, al-Khamil Fi al-Tharikh, Dar Beirut Lubnan, 1965, Jilid 6, hlm 448.
- Ibn Qudamah, 1992M-1412H, *al-Mughni Ibn Qudamah*, Qahirah Mesir: Maktabah Hijrah, cet. 1, jil. 8, hlm. 176.
- Ibn Rajab, Abi al-Farj Abd Rahman Ibn al-Hambali, al-Istikhraj al-Ahkam al-Kharaj, Dar al-Makrifat Beirut Lubnan, t. t. hlm 123.
- Mat Saad Abd Rahman, Pemerintahan Islam Dalam Masyarakat Majmuk, Kertas Kerja Kedudukan Masyarakat Bukan Islam Dalam Sejarah Pemerintahan Islam, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) Kuala Lumpur, 1996. hlm 218
- Mohd Ridzuan Awang. 1987. *Konsep Undang-Undang Tanah Islam Pendekatan Perbandingan*. Kuala Lumpur: al-Rahmaniyyah.
- Muhamad Akhir Yaacub, 1991, al- Ahkam al-Adiliyah: Undang-Undang Sivil Islam. Cetakan Kedua, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, hlm 405. Muhammad <sup>C</sup>Abdul Jawwad. 1931/1971. *Milkiyyah al-Arabi fi al-Islam, Tahdid al-Milkiyyah wa al-Ta'mim*. Qahirah Mesir: al-Taba<sup>C</sup>ah al-<sup>C</sup>Alamiyyah.
- Muhammad Sidqi Ibn Ahmad al-Burno, Mausuh al-Qawaid al-Fiqiyyah, Maktabah al-Taubah , Dar Ibn

Harm, Beirut Lubnan , Cetakan 3, 2000, hlm 33.

Nor Azzah Kamri, Model Pengurusan dan Kepimpinan Muhammad al-Fateh Dalam Kerajaan Uthmaniyyah, 2011, Persatuan Ulama' Malaysia, Cawangan Selangor Imtiyaz Multimedia And Publications.

Pendaftaran awam terhadap harta Tak Alih (Aqar).

Salleh Buang, Kanun Tanah Negara, Kajian Perbandingan Antara Undang-Undang Sivil dan Syariah, al-Ahkam, Jilid 3, Undang-Undang Harta Dalam Islam, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 1991, hlm 68.

Siraj Lait & Hilary Lim, Land Law & Islam, Property & Human Right In The Muslim World, UN-HABITAT, Zed Book, London & New York, 2006, hlm 20.

Yahya Ibn Adam Kitab al-Kharaj, Dar al-Makrifat Beirut Lubnan, t. t. hlm166.